

# Helo Kampus

[kampus@utusan.com.my](#)

f  
helo kampus



KEUTAMAAN  
TVET, PPPMPT  
» 24

SEBAHAGIAN pelajar UTHM yang menjayakan UCE di Taman Cendana, Pasir Gudang, Johor baru-baru ini.



## Komitmen UTHM

Guna UCE rapatkan jurang pelajar dan masyarakat

**P**ROGRAM khidmat masyarakat Pembabitan Universiti-Masyarakat (UCE) oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merupakan platform sosial untuk meningkat dan memantapkan lagi kemahiran insaniah

pelajar, merapatkan jurang antara pelajar dan masyarakat, di samping membuka peluang untuk pelajar menyumbangkan ilmu dan kemahiran untuk dimanfaatkan secara bersama.

Kira-kira 1000 pengunjung hadir

memeriahkan Majlis Sambutan Ulang tahun Projek Rakan Komuniti ini yang berlangsung selama tiga hari bermula 4 hingga 6 Jun lalu di Taman Cendana, Pasir Gudang, Johor.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin telah menyempurnakan Majlis Perasmian UCE itu yang merupakan anjuran Pusat Kokurikulum, UTHM.

Turut hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Hashim Saim; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang Md Zaa'nal Misran, dan Agenzia Anti Dadah Kebangsaan Negeri Johor, Sidek Jaafar.

Pada majlis perasmian tersebut juga menyaksikan Mohamed Khaled merasmikan Kiosk Niaga yang diserahkan kepada Koperasi Taman Cendana dan Rumah Komuniti Agenzia Anti Dadah Kebangsaan, di samping turut melancarkan Buku Khidmat Komuniti Siswa UTHM.

Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tiga hari program berkenaan berlangsung ialah program anak angkat, majlis yasin dan tahlil perdana, seminar keusahawanan, bengkel motivasi, gotong royong perdana, senamrobik, dan seminar seni pertahanan diri.

Beberapa kursus juga telah dilaksanakan sebelum ini iaitu Seminar

Pengurusan Kos Sara Hidup dan Kursus Katering Masakan Indo kepada komuniti Taman Cendana.

Bertemakan *Transformasi Komuniti, Mahasiswa Berkualiti*, seramai 143 pelajar daripada kursus khidmat masyarakat dan lima orang pensyarah telah bertungkus lumus dalam memastikan program ini menjadi kenyataan bagi mengeratkan lagi hubungan antara masyarakat dan warga universiti.

Mohamed Khaled dalam ucapannya berkata, tema program itu memang sangat bertepatan dengan wujudnya *University-Community Transformation Center (UCTC)* sebagai konsep pemindahan ilmu daripada universiti kepada komuniti setikarnya.

Projek Rakan Komuniti yang dijalankan secara *one-off* itu berbeza dengan program khidmat masyarakat yang lain kerana projek ini dijalankan selama lebih setahun dan akan diteruskan di tempat-tempat yang berbeza pada masa akan datang.

Selain itu, projek ini juga turut memberi penekanan kepada elemen kepimpinan, kesukanan, kebudayaan, pendidikan, kebersihan, keselamatan, kerohanian, kemahiran, infrastruktur dan keusahawanan.



MOHAMED KHALED NORDIN (dua dari kanan) menyampaikan cenderamata kepada Dr. Hashim Saim pada Majlis Perasmian Program Khidmat Masyarakat UCE UTHM di Taman Cendana, Pasir Gudang, Johor baru-baru ini.